

18/01/2003

`Pas boleh tumbang pada pilihan raya akan datang'

KUALA LUMPUR: Umno yakin dapat menumbangkan Kerajaan Pas di Kelantan dalam pilihan raya umum akan datang, kata Setiausaha Agungnya, Tan Sri Khalil Yaakob.

Beliau berkata, keyakinan itu adalah berikutan jaminan daripada ahli badan perhubungan negeri dan pemimpin negeri itu yang akan menyokong kepemimpinan Umno Kelantan yang dilantik dalam rombakan kelmarin.

"Ini satu petanda baik. Saya percaya mereka yang dilantik adalah tokoh yang dikatakan berpengalaman dan mempunyai keyakinan daripada akar umbi.

"Sudah tentu semua pihak akan memberi kerjasama dan saya rasakan mereka dapat bekerjasama dengan berkesan. Saya percaya Umno Kelantan dan Pusat akan mengatur strategi yang sudah pun disusun untuk menawan semula Kelantan," katanya pada sidang akhbar selepas menyampaikan ucapan Retiree Pelan Strategik Jangka Panjang (PSJP 2002-2012) Kementerian Penerangan di Pulau Pinang, semalam.

Kelmarin, Perdana Menteri yang juga Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan rombakan Badan Perhubungan Umno Kelantan dengan pelantikan beberapa muka baru termasuk bagi jawatan timbalan pengerusi sebagai strategi untuk menawan semula Kelantan.

Melalui rombakan itu, Ketua Umno Bahagian Kota Bharu, Zaid Ibrahim dilantik sebagai timbalan pengerusi menggantikan Datuk Annuar Musa manakala Pengerusi Tenaga Nasional Bhd (TNB), Datuk Dr Awang Adek Husin diumumkan sebagai bendahari.

Timbalan Ketua Bahagian Tumpat, Mat Nawawi Mat Jusoh pula dilantik sebagai Setiausaha Umno Kelantan menggantikan Ketua Umno Kubang Kerian, Tuan Mohd Hashim Tuan Yaacob.

Timbalan Ketua Umno Peringat, Mohd Alwi Che Ahmad pula diumumkan sebagai Ketua Penerangan Umno negeri, menggantikan Ketua Umno Machang, Datuk Ismail Mamat. Bagaimanapun, Datuk Mustapha Mohamed kekal sebagai Pengerusi Perhubungan negeri.

Mengulas rombakan itu, Pemuda Umno Kelantan menyifatkan pelantikan beberapa muka baru dalam Badan Perhubungan Umno Kelantan akan memantapkan parti itu dan mencerahkan peluang Barisan Nasional (BN) untuk menawan semula negeri berkenaan.

Dalam satu kenyataan bersama yang dikeluarkan di sini, semalam, Ketua Pemuda Umno Kelantan, Rujhan Salleh dan Ketua Pemuda Umno Tanah Merah yang juga Exco Pergerakan Pemuda Umno, Ikmal Hisham Abdul Aziz, berkata Pemuda negeri itu percaya perubahan yang dibuat adalah sebagai salah satu strategi untuk menawan semula Kelantan dalam pilihan raya akan datang.

"Pemuda Umno Kelantan menyifatkan rombakan itu sebagai manifestasi dan terjemahan daripada Konvensyen Umno BN Kelantan baru-baru ini yang merumuskan beberapa formula sebagai strategi menawan semula Kelantan daripada pembangkang (Pas).

"Pemuda Umno Kelantan berharap seluruh ahli parti menyahut seruan serta harapan pucuk pimpinan parti supaya kita berusaha lebih gigih dan berkhidmat dengan ikhlas untuk rakyat supaya Umno dapat menebus kembali maruah selepas tewas kepada pembangkang," kata mereka.